

UNTUK SIARAN SEGERA  
MEJA BERITA/EKONOMI

## SIARAN MEDIA

### MESYUARAT PERTAMA JAWATANKUASA KHAS PERSAINGAN PASCA PANDEMIK

**KUALA LUMPUR, 22 SEPTEMBER 2022 –** Jawatankuasa Khas Persaingan (“Jawatankuasa Khas”), sebuah inisiatif oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC), telah bersidang pada 20 September 2022 untuk mesyuarat pertamanya tahun ini. Jawatankuasa Khas ini berfungsi sebagai satu platform bagi pengawal selia sektor utama di negara ini untuk membincangkan perkembangan berkaitan persaingan dan merangka keutamaan masa hadapan untuk memperkuuh peruntukan persaingan dalam perundangan sektor masing-masing bagi manfaat pasaran.

Jawatankuasa Khas itu terdiri daripada Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Suruhanjaya Tenaga (ST), Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Bank Negara Malaysia (BNM), Suruhanjaya Sekuriti (SC), Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Suruhanjaya Penerangan Malaysia (MAVCOM). Mesyuarat tersebut telah dipengerusikan oleh pengurus MyCC, Dato' Seri Mohd Hishamudin bin Md Yunus.

Dalam mesyuarat tersebut, MyCC telah berkongsi tentang perkembangan mengenai langkah pindaan undang-undangnya di mana pasukan MyCC sedang mengkaji maklum balas yang diterima daripada orang awam dan pada masa yang sama, meneruskan perbincangan bersama Jabatan Peguam Negara untuk memuktamadkan rang undang-undang tersebut. Pindaan itu terbahagi kepada dua kategori, iaitu pengenalan rejim kawalan penggabungan dan peningkatan kuasa penyiasatan dan penguatkuasaan MyCC. Dari segi penguatkuasaan, MyCC telah berkongsi tentang hasil penyiasatan kes dakwaan kartel ayam dan keputusan tipuan bida pertama MyCC terhadap lapan perusahaan atas penglibatan mereka dalam perlakuan tipuan bida yang melibatkan projek perolehan awam berkaitan IT.

Dengan mengambil kira undang-undang penggabungan yang akan diperkenalkan dalam masa terdekat, MAVCOM turut berkongsi tentang dua (2) keputusan

**UNTUK SIARAN SEGERA**  
**MEJA BERITA/EKONOMI**

penggabungan mereka baru-baru ini. Kes pertama ialah penggabungan yang telah diluluskan antara Korean Air Lines Co. Ltd. (Korean Air Lines) dan Asiana Airlines Inc. (Asiana Airlines) yang juga merupakan transaksi pertama penggabungan berkaitan persaingan di Malaysia. Pada bulan Julai tahun ini, MAVCOM juga telah mengeluarkan keputusan cadangannya mengenai jangkaan penggabungan antara SIA Engineering Company Limited dan Pos Aviation Engineering Services Sdn. Bhd. yang melibatkan perkhidmatan pengendalian darat. Bagi sektor telekomunikasi, SKMM turut memaklumkan bahawa mereka telah mengeluarkan notis tiada bantahan berikutan penilaian menyeluruh terhadap cadangan permohonan penggabungan antara Celcom Axiata Bhd. dan Digi, di mana kedua-dua pihak kini telah mara ke fasa seterusnya bagi urus niaga yang dicadangkan.

SKMM memaklumkan tentang hasil positif daripada usaha bersama MyCC sejak 2020, dalam menangani perjanjian eksklusif antara penyedia perkhidmatan telekomunikasi dan pemaju harta tanah atau syarikat pengurusan bangunan di bangunan-bangunan tinggi termasuk kompleks kediaman berikutan aduan yang diterima oleh orang ramai. Malah, kedua-dua pihak berhasrat untuk meneruskan kerjasama tersebut dengan cadangan untuk memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) yang akan memberi manfaat kepada kedua-dua pihak serta orang ramai.

Sementara itu, ST pula berkongsi tentang tiga keutamaannya dalam memastikan keselamatan tenaga, ekuiti tenaga dan kemampanan alam sekitar. Oleh itu, ST telah memulakan kajian semula terhadap undang-undang di bawah bidang kuasanya. Ini bagi memastikan semua perundangannya masih relevan pada masa hadapan dan bagi memastikan ia selaras dengan undang-undang dan dasar persaingan yang seterusnya akan meningkatkan daya saing pemain industri yang sejajar dengan aspirasi negara.

“Perkembangan undang-undang dan dasar persaingan di Malaysia sedang menuju ke arah yang betul. Kami berbesar hati melihat semua pengawal selia sektor berganding bahu untuk memberi platform kepada undang-undang persaingan dalam dasar perindustrian masing-masing, yang sudah pasti akan memberi kesan positif kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia. Oleh itu, MyCC menghargai komitmen semua pengawal selia sektor untuk bekerjasama ke arah landskap ekonomi yang kompetitif



**UNTUK SIARAN SEGERA  
MEJA BERITA/EKONOMI**

demi kepentingan perniagaan dan pengguna di Malaysia”, kata Encik Iskandar Ismail, Ketua Pegawai Eksekutif MyCC.

**-tamat-**

UNTUK SIARAN SEGERA  
MEJA BERITA/EKONOMI

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**

Bahagian Komunikasi dan Advokasi

Telefon Bimbit: +6019 215 2273

Emel: [cad@mycc.gov.my](mailto:cad@mycc.gov.my)

### **Mengenai Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)**

Ditubuhkan pada April 2011, Suruhanjaya Persaingan ialah satu badan bebas bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010, yang dilaksanakan untuk menggalakkan persaingan sihat yang seterusnya akan merangsang produktiviti dan inovasi, lantas mewujudkan pilihan produk atau servis yang lebih banyak kepada pengguna dan kualiti yang lebih baik pada harga yang berpatutan.

Akta ini digunakan kepada semua aktiviti komersial yang ditanggung didalam dan diluar Malaysia yang boleh menjaskan persaingan di pasaran Malaysia. Ia memberikan satu rangka kerja kawal termasuk kuasa menyiasat, menghakimi dan mengenakan penalti-penalti kepada pesalah undang-undang persaingan.

MyCC telah menyambut ulangtahun yang ke-10 pada 1 April 2021 dan seterusnya turut membuat pelancaran pengenalan penjenamaan semula logo demi meningkatkan identiti korporat. Logo ini menerap semangat dan jiwa organisasi di samping memperkuuhkan kekuatan dan etika bekerja. Simbolik corak kupu-kupu secara global dikenali sebagai lambang ketahanan, perubahan, harapan dan kehidupan. Penjenamaan baru ini juga menonjolkan kesederhanaan yang halus yang melambangkan perubahan dan kematangan MyCC yang tersendiri.

Maklumat lanjut mengenai MyCC, layari laman sesawang [www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my).